

# Sejarah Penubuhan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perlis (BAHAGIAN 1)

Oleh : **Mokhtar A.K.**

Menyingkap kembali sejarah bahawa sebelum wujudnya Jawatan Pengarah Imigresen Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dibahagikan kepada empat (4) Wilayah iaitu :

- (i) Wilayah Utara  
(Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Hulu Perak)
- (ii) Wilayah Tengah  
(Selangor dan Negeri Sembilan)
- (iii) Wilayah Selatan  
(Johor dan Melaka)
- (iv) Wilayah Timur  
(Kelantan, Terengganu dan Pahang)

Jawatan Ketua-Ketua Wilayah tersebut digelar Ketua Penolong Kanan Pengarah Imigresen Wilayah. Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perlis diwujudkan sebagai sebuah Jabatan peringkat negeri pada 1 Januari 1983.

Beberapa jawatan diwujudkan pada peringkat awalnya termasuk jawatan Pengarah Imigresen Negeri, Timbalan Pengarah Imigresen, Penolong Pengarah Imigresen dan beberapa jawatan Pembantu Tadbir di Bahagian Pengurusan Jabatan Imigresen Negeri Perlis.

Pada permulaannya Pejabat Pengarah Imigresen Negeri terletak di Bangunan Persekutuan Lama iaitu di dalam kawasan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis. Kemudiannya ianya berpindah ke tingkat 1, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi, Kangar pada 7 November 1987 berikutan keperluan ruang yang lebih selesa untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai yang berurusan dengan Jabatan.

Seterusnya apabila Bangunan Persekutuan diwujudkan bagi menempatkan Jabatan-Jabatan Persekutuan di sekitar Bandar Kangar maka sekali lagi Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perlis telah berpindah ke Tingkat 1 dan 2, Bangunan Persekutuan, Persiaran Jubli Emas, Kangar pada 9 Februari 1998 hinggalah ke hari ini.



Bangunan Persekutuan Kangar (Gambar : Mokhtar A.K.)



**GAMBAR :**  
Pegawai Imigresen  
Negeri Perlis :  
En. Zahirul Fahmi bin Zaini

Mengikut penjelasan Encik Zahirul Fahmi bin Zaini yang mengambil alih Jawatan Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perlis yang bermula 1 Mac 2010 menjelaskan bahawa di Perlis ada empat pos atau Pejabat Imigresen. Pertama Pejabat Imigresen Kangar, Pos Imigresen Padang Besar, Pos Imigresen Wang Kelian dan Pos Imigresen Kuala Perlis. Perlis juga mempunyai Pejabat Unit Pencegahan Penyeludupan Negeri Perlis.

Pengalaman tempat bertugas Encik Zahirul Fahmi bin Zaini

1. Ogos 2005 - Julai 2005 : Bahagian Pembangunan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
2. Ogos 2006 - Jun 2008 : Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri
3. Jun 2008 - Julai 2009 : Bahagian Kependajaan, Anti Dadah dan Pertahanan Awam, KDN
4. Julai 2009 - Feb 2010 : Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Perlis
5. Mac 2010 - Sekarang : Jabatan Imigresen Negeri Perlis

Keempat-empat Pos Imigresen itu merupakan mempunyai sejarah yang unit, dan akan diperjelaskan sejarah selanjutnya. Encik Zahirul Fahmi menjelaskan Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia Perlis yang pertama ialah Encik Mohd Nor bin Haji Mohd. Zain. Beliau mula memegang jawatan pada 16 November 1983 hingga 15 Oktober 1985.

Di bawah ini disenaraikan nama Pengarah-Pengarah Imigresen Negeri Perlis dan tempoh perkhidmatan mereka di negeri Perlis.

Senarai Pengarah Imigresen Negeri yang pernah berkhidmat di Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perlis adalah seperti berikut.



**1** MOHD NOR BIN HJ MOHD ZAIN  
(16/11/1983 - 15/10/1985)



**5** ROSLI BIN MAHMUD  
(16/7/1997 - 15/10/2003)



**2** MANSOR BIN HJ OMAR  
(9/3/1986 - 31/3/1993)



**6** MOHD ZAHARI BIN HASSAN  
(16/10/2003 - 26/12/2007)



**3** MOHD SANI BIN ADNAN  
(16/10/1993 - 28/5/1995)



**7** NIK AHMAD ZHAZLI BIN NIK YAH  
(3/3/2008 - 18/9/2009)



**4** RAJA YAHYA AZIZ BIN RAJA NGAH ALI  
(1/9/1995 - 14/6/1997)



**4** ZAHIRUL FAHMI BIN ZAINI  
(mulai 1/3/2010)

Jelas beliau aktiviti Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perlis adalah berasaskan kepada Program Kerja yang dirangka setiap tahun. Dokumen Program Kerja Tahunan disediakan pada setiap hujung tahun. Sebelumnya dan dibentangkan untuk kelulusan Ketua Pengarah Imigresen Malaysia. Program kerja ini mengandungi aktiviti jabatan yang di rangka secara 'flexible' supaya boleh diubahsuai mengikut keperluan semasa sesuai dengan isu dan cabaran yang berubah-ubah.

Aktiviti -aktiviti utama merangkumi :

- (a) Pengeluaran dokumen perjalanan
- (b) Pengeluaran Visa pas dan permit
- (c) Kawalan keluar masuk
- (d) Penguatkuasaan

### SEJARAH POS IMIGRESEN PADANG BESAR

Sejarah Pos Imigresen Padang Besar bermula sejak sebelum merdeka lagi iaitu pada tahun 1946. Terletak di utara Negeri Perlis bersempadan dengan pekan Padang Besar Thailand. Ketika permulaan operasinya dalam tahun 1946, kawalan imigresen pada waktu itu hanya berfungsi di Stesen Keretapi Padang Besar. Pada masa itu, ianya merupakan satu-satunya pintu keluar masuk diantara Malaysia Thailand di Padang Besar sebelum laluan kenderaan seperti hari ini wujud.

Pos ini bertanggungjawab kepada pusat kawalan di Pulau Pinang yang diketuai oleh seorang Pegawai Imigresen yang berperanan sebagai Ketua Imigresen Wilayah Utara pada waktu itu. Pada tahun 1949 barulah Ketua Imigresen ditempatkan di Padang Besar iaitu seorang Pegawai British bernama Dr. Russel Jones.

Walau bagaimanapun pada tahun 1963, Pejabat 'Immigration Controller' di Pulau Pinang telah berpindah di Kuala Lumpur menyebabkan pada tahun 1970, Pos Imigresen Padang Besar di letakkan di bawah kawalan Pejabat Imigresen Alor Setar, iaitu dengan diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Imigresen.

Pada awal tahun 1970an, kawalan Imigresen laluan Jalan Sadao dan laluan Jalan Kaki telah dibuka. Wujudnya laluan ini telah membawa kepada perkembangan Pekan Padang Besar. Terdapat deretan rumah kedai dibina ditepi laluan sempadan berikutan berlaku perkembangan ekonomi hasil daripada perdagangan di antara Malaysia Thailand.



Pos Imigresen Padang Besar (Gambar : Mokhtar A.K.)

Pada masa inilah Pekan Padang Besar mula berkembang kerana terdapat laluan darat yang membolehkan kenderaan awam dan pengangkutan lain keluar masuk. Jika sebelum ini rakyat Malaysia dan Thailand keluar masuk tanpa kawalan yang sistematik, namun setelah wujudnya Pos ini, kawalan keluar masuk Imigresen dapat dijalankan dengan sempurna.

Pada peringkat awal, kebanyakan pelawat yang keluar masuk adalah mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan disebabkan hubungan tradisi yang sedia terjalin sejak dahulu lagi. Setelah beroperasi beberapa ketika, laluan Sadao dan laluan Jalan Kaki ditutup pada tahun 1993 apabila Kompleks Imigresen Padang Besar dibuka dan mula beroperasi.

### PEMBINAAN KOMPLEKS IMIGRESEN PADANG BESAR

Pada asalnya tapak Kompleks Imigresen Padang Besar yang tersegam indah ini adalah tapak milik Bahagian Kuarantin Jabatan Haiwan. Dahulunya ia berfungsi sebagai tempat untuk mengumpul ternakan seperti lembu yang diimport dari Thailand sementara menjalani pemeriksaan dan tempoh kuarantin yang ditetapkan. Setelah mendapat kelulusan barulah ternakan tersebut dibenarkan masuk ke Malaysia untuk tujuan ternakan atau penyembelihan.

Tanah lebih kurang 18 hektar yang dahulunya ditumbuhi pokok-pokok hutan dan tumbuhan malar yang lain telah dibersihkan. Dengan kos sebanyak RM 7 juta Kompleks Imigresen mula dibina.

### OPERASI KOMPLEKS IMIGRESEN PADANG BESAR

Setelah siap dibina dengan pelbagai kemudahan infrastruktur, ianya mula beroperasi pada 1 November 1993. Pada masa itu Jabatan Imigresen mula menumpukan terhadap kecekapan perkhidmatan yang diberi terhadap pelanggan dalaman dan luaran. Keselesaan diambil perhatian terhadap pegawai bertugas dan juga pelanggan-pelanggan jabatan Imigresen. Pada peringkat awalnya Kompleks ini beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 7.00 petang. Namun bermula tahun 1995, masa telah dilanjutkan dari jam 6.00 hingga 10.00 malam.



*Kompleks Imigresen Padang Besar (Gambar : Mokhtar A.K.)*

### PERASMIAN KOMPLEKS IMIGRESEN PADANG BESAR

Setelah hampir 3 tahun beroperasi, pada tanggal 12 April 1996, Kompleks Imigresen Padang Besar dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed yang juga Menteri Dalam Negeri. Majlis gilang-gemilang itu disulami dengan majlis menandatangani Plak Perasmian yang mana kekal terpampang di Kompleks Imigresen Padang Besar hingga ke hari ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga diberi penghormatan menanam seponon pokok jati yang hidup subur sebagaimana suburnya kemajuan dicapai oleh Kompleks Imigresen Padang Besar itu sendiri.

### RUJUKAN:

1. Temu bual Zahirul Fahmi bin Zaini, Pengarah Imigresen Negeri Perlis
2. Khazanah Perpustakaan, Sejarah Penubuhan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perlis